

# Dr M puji rakyat ikuti musabaqah

BH 30 MAY 1985

**KUALA LUMPUR, Rabu** — Perdana Menteri **Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad** mengingatkan umat Islam supaya tidak terpengaruh dengan dakwaan setengah-setengah pihak kononnya Musabaqah Membaca al-Quran tidak berfaedah, membazir dan mengganggu bulan puasa.

"Musabaqah sebenarnya mendekatkan kita kepada al-Quran kerana melaluinya kita dapat memahami kandungan dan pengertiannya.

"Umat Islam memang digalakkan membaca al-Quran pada bulan puasa. Jadi apa salahnya kita memperdengarkan bacaan al-Quran, termasuk disiarkan secara meluas kepada masyarakat antarabangsa melalui televisyen," jelasnya.

## Terpuji

Perdana Menteri memuji orang ramai yang sanggup meluangkan masa mendengar bacaan al-Quran.

"Langkah ini amat terpuji jika dibandingkan dengan sikap setengah-setengah umat Islam yang hanya menghabiskan masa di rumah dan menganggap puasa itu memisahkan mereka daripada kegiatan-kegiatan lain," katanya.

Beliau berkata demikian ketika melawat astaka Musabaqah Membaca al-Quran Peringkat Antarabangsa di Stadium Merdeka semalam. Musabaqah itu akan berlangsung dari 5 hingga 9 Jun.

Astaka itu yang direka oleh Encik Roslan Hashim dari Jabatan Kerjaraya berharga \$140,000.

Menurut Perdana Menteri, kekacauan yang timbul di kalangan umat Islam di dunia adalah kerana mereka tidak mahu mendengar dan memahami ayat-ayat suci al-Quran.

"Sikap tidak mahu menghormati al-Quran melahirkan umat Islam yang bersikap kejam seperti pembunuhan yang berlaku di Lebanon," tambahnya.

## Hakim2

Katanya, musabaqah yang dimulakan sejak merdeka kian mendapat sambutan, bukan sahaja daripada umat Islam tempatan tetapi juga masyarakat Islam antarabangsa yang menghantar peserta ke musabaqah itu.

"Ini menunjukkan usaha mengadakan musabaqah ini dihormati oleh umat Islam seluruh dunia," katanya.

Menurut Pengerusi Jawatankuasa Musabaqah Peringkat Antarabangsa, Datuk Seri Haji Kamaruddin Mat Isa, sehingga ini 23 negara, termasuk Malaysia mengesahkan penyertaan mereka dalam musabaqah kali ini.

Katanya, sembilan hakim dari Mesir, Arab Saudi, Libya, Turki, Emiriyah Arab Bersatu, Thailand, Indonesia dan Malaysia akan menghakamkan musabaqah itu.

Pengerusi hakim ialah Profesor Madya Dr Mohamad Osman dari Malaysia.

Datuk Seri Haji Kamaruddin juga berkata, Yang di-Pertuan Agong telah berkenan untuk mengadakan majlis berbuka puasa untuk semua peserta, hakim dan pengelola musabaqah.